



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
12 September 2025**

PNBRI LANCAR LAPORAN BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN TARAF HIDUP LEBIH 210,000 PEKEBUN KECIL SAWIT PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

*Laporan menggariskan 15 cadangan dasar untuk memacu masa depan
pekebun kecil persendirian*

Kuala Lumpur, 12 September 2025 – PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI), cabang penyelidikan dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini melancarkan laporan bertajuk *Realiti dan Prospek Kelestarian dalam Kalangan Pekebun Kecil Sawit di Malaysia*. Laporan ini merupakan antara beberapa kajian di peringkat nasional yang memberi tumpuan kepada naratif pekebun kecil, dengan menekankan cabaran semasa dan akan datang golongan tersebut dalam amalan kelestarian.

Pelancaran ini menandakan satu pencapaian penting dalam komitmen PNBRI untuk menyampaikan hasil kajian berasaskan bukti yang menyokong daya tahan ekonomi jangka panjang dan pertumbuhan inklusif negara.

Pekebun kecil persendirian (ISH) memainkan peranan penting dalam sektor sawit. Walaupun hanya mengusahakan kira-kira 15% daripada keluasan tanaman sawit negara, iaitu lebih kurang separuh daripada keseluruhan kawasan yang dikaitkan dengan pekebun kecil, mereka menyediakan sumber pendapatan kepada ratusan ribu keluarga di seluruh negara. Namun begitu, mereka berisiko untuk ketinggalan dalam arus global ke arah kelestarian, sekaligus terdedah kepada tekanan pasaran dan berkemungkinan terkeluar daripada rantai bekalan.

Laporan tersebut mengemukakan cadangan dasar yang boleh dilaksanakan bagi membimbing hala tuju masa depan pekebun kecil persendirian dalam industri sawit Malaysia. Ia menggariskan 15 cadangan bagi memperkukuh kuasa tawar-menawar, akses pasaran dan meningkatkan taraf hidup lebih 210,000 pekebun kecil persendirian, ke arah daya saing global yang seimbang dengan keperluan alam sekitar, ekonomi dan sosial.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB berkata, "Laporan ini merupakan hasil daripada penyelidikan intensif, libat urus pelbagai pihak berkepentingan, dan kerja lapangan di seluruh negara selama hampir dua tahun. Kajian ini juga mencerminkan pengiktirafan PNB terhadap kepentingan ilmu dan penyelidikan yang boleh memberi impak bermakna kepada dasar awam, seterusnya memperkasa industri dan rakyat Malaysia."

"Dapatan daripada kajian ini juga menyokong usaha Kumpulan PNB untuk memacu automasi dan pertanian pintar dalam minyak sawit di bawah inisiatif GEAR-uP kerajaan, serta penekanan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) terhadap peningkatan standard pensijilan kelestarian tempatan. Secara lebih menyeluruh, ia mencerminkan aspirasi utama Ekonomi MADANI dan RMK13 untuk merombak pembangunan negara melalui transformasi dipacu teknologi, peningkatan sosioekonomi, dan kemakmuran yang mampan untuk negara secara keseluruhan," tambahnya.

Dr. Sarena Che Omar, Ketua Pegawai Eksekutif PNBRI, berkata PNBRI berharap agar usaha mereka dapat memainkan peranan dalam menyokong agenda nasional ini – dengan menjana pengetahuan yang bermanfaat kepada dasar awam, dan memperkasa pihak berkepentingan pada setiap peringkat.

Dalam sesi pembentangan beliau, ketua penyelidik kajian, Farhana Roslan pula berkata, "Matlamat kajian kami adalah untuk mengangkat suara pekebun kecil persendirian dalam ekosistem sawit negara. Kami juga berharap agar dapatan daripada kajian ini dapat memberi sokongan dalam usaha kerajaan MADANI

'menaikkan rantai' bagi pekebun kecil yang sedang bergelut, dan 'menaikkan siling' dalam usaha negara mengekalkan daya saing eksport sawitnya”.

Kajian ini menggabungkan dapatan daripada lebih 30 sesi perbincangan kumpulan sasaran (FGD), melibatkan sejumlah 250 responden terdiri daripada ISH dan pegawai pembangunan di 11 negeri di Malaysia, termasuk Malaysia Timur. Kajian ini turut dilengkapi dengan temu bual berstruktur secara bersemuka melibatkan 425 ISH. Antara cadangan utama laporan ini ialah:

- Memperkenalkan skim latihan TVET “Agropreneur Sawit Muda” bagi melatih generasi baharu pekebun kecil yang mewarisi tanah daripada ibu bapa mereka;
- Mempercepatkan usaha pengesanan dan pematuhan di seluruh rantai nilai sawit, termasuk peniaga dan pengumpul BTS, selaras dengan aspirasi Dasar Agrokomoditi Negara 2021–2030 (DAKN 2030);
- Memperkasakan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) dan koperasi pekebun kecil dengan pembiayaan modal kerja yang lebih besar agar mampu bersaing dengan pengumpul swasta dan mengukuhkan kedudukan pekebun kecil dalam rantai nilai; dan
- Memperbaharui strategi komunikasi berkenaan manfaat pensijilan kelestarian kepada pekebun kecil, khususnya keperluan nasional untuk mencapai pensijilan kelestarian penuh.

Laporan penuh boleh dimuat turun di www.pnbri.com.my.

-Tamat-

PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI) telah ditubuhkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 19 Januari 2012 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuhnya. Penubuhan ini bertujuan memupuk budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D), memperkukuh pembangunan kapasiti, serta mencari penyelesaian terhadap pelbagai cabaran sosial dan ekonomi negara yang kompleks. Sejajar dengan asas tersebut, PNBRI kini menumpukan usaha kepada pelaksanaan program penyelidikan dan kajian dasar yang dirangka untuk memahami serta menangani isu-isu berkaitan pembangunan negara Malaysia, di samping mandat dan kepentingan strategik PNB. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnbri.com.my.

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnbri.com.my

Dikeluarkan oleh PNB Research Institute Sdn. Berhad